

558:

MAHATHIR - RASMI

1975

KROH, 25 OGOS (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR BERKATA SALAH SATU SEBAB MURID-MURID DARI KAWASAN LUARBANDAR TIDAK BEGITU MINAT DAN CERGAS DALAM PELAJARAN SAINS IALAH KURANGNYA MEREKA TERDEDIAH KEPADA PENGARUH TERSEBUT.

KATANYA, MURID-MURID DARI KAWASAN LUARBANDAR KURANG TERDEDIAH KEPADA PERKEMBANGAN DAN PENGARUH SAINS DAN TEKNOLOJI SERTA AKTIVITI

PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN YANG TERDAPAT DI BANDAR-BANDAR.

BELIAU MENYATAKAN INI SEWAKTU MERASMIKAN BANGUNAN BARU SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN KEROH BERHARGA \$152,000 HARI INI.

MENTERI ITU MENEKANKAN BAHAWA SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH MEMAINKAN PERANAN YANG TERPENTING BAGI MELAHIRKAN TENAGA CERDIK PANDAI.

ASAS PELAJARAN YANG KUKUH DI SEKOLAH RENDAH AKAN LEBIH MENJAMINKAN KEMAJUAN PELAJARAN MURID-MURID DI PERINGKAT MENENGAH DAN SETERUSNYA, KATANYA.

BELIAU JUGA MENGGESE PARA IBUBAPA, MASYARAKAT DAN KAUM GURU BERHUBUNG RAPAT KERANA MURID-MURID MEMERLUKAN BIMBINGAN DARI MEREKA. -- BERNAMA 1408/AI

645:

MAHATHIR-RASMI 2 KROH (SAMBUNGAN BERITA 558)

KETIKA MERASMIKAN HARI UCAPAN DAN PENYAMAPIAN HADIAH SEKOLAH MENENGAH TUN SABAN DI SINI PETANG INI, DR. MAHATHIR MENGUMUMKAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMBINA LIMA BUAH RUMAH UNTUK GURU-GURU SEKOLAH TERSEBUT DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

BELIAU BERKATA DIDIKAN PELAJARAN DI KALANGAN ANAK-ANAK MUDA ADALAH MUSTAHAK BAGI MENJAUHI DIRI MEREKA DENGAN DAKYAH-DAKYAH DAN PENGARUH JAHAT.

IBUBAPA DAN GURU TELAH DIARAHKAN SUPAYA MENGGUNAKAN SEPENUHNYA PERSATUAN-PERSATUAN IBUBAPA YANG DITUBUHKAN SEBAGAI BENTENG UNTUK MEREKA BERTEDUH DAN BERTUKAR-TUKAR FIKIRAN BAGI MENGATASI SESUATU MASAALAH. --BERNAMA 1821/LK